



ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2021

29 September 2022 | Khamis
HOTEL AMES, AYER KEROH, MELAKA

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

*' Ilmuwan, Ilmu dan Teknologi
Menyejahterakan Masyarakat '*

ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2021

29 September 2022 | Khamis
HOTEL AMES, AYER KEROH, MELAKA

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

*' Ilmuwan, Ilmu dan Teknologi
Menyejahterakan Masyarakat '*

CETAKAN PERTAMA 2022

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan dalam sebarang bentuk menggunakan sebarang alat sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Penerbit UTeM Press, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)
Ahli Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)

Penaung

YBrs. Profesor Ts. Dr. Massila Kamalrudin

Penasihat

YBrs. Profesor Dr. Zulkifilie Ibrahim

YBrs. Profesor Ir. Dr. Ghazali Omar

Pengerusi Pelaksana

YBrs. Profesor Madya Dr. Mohd Shakir Md Saat

Ketua Editor

Profesor Madya Dr. Shakir bin Md Saat

Editor

Dr. Muliati binti Sedek

Encik Mohammad Syarin bin Sapuan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pembaca Pruf

Cik Nur Azriah binti Amir

Pereka Kulit dan Pengatur Huruf

Encik Ahmad Masmulyadi Mohd Yusof

Diterbitkan dan Dicetak di Malaysia oleh

Penerbit UTeM Press

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia.

Tel: +606 270 1241 Faks: +606 270 1038

Visi

Menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia



Misi

UTeM bertekad untuk menerajui sumbangan kepada kesejahteraan negara dan dunia dengan:

- Memartabatkan ilmu melalui pendidikan, penyelidikan dan kesarjanaan teknikal yang inovatif;
- Membentuk pemimpin bersahsiah murni yang profesional;
- Menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Keluarga Malaysia dan Salam Keluarga UTeM.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, maka dapatlah kita bersama-sama menganjurkan Majlis Anugerah Akademik (AAU) tahun 2021. Alhamdulillah pada tahun ini Majlis AAU dapat dijalankan seperti sediakala setelah negara berhadapan dengan penularan Wabak COVID-19. Pada tahun ini, kita sekali lagi dapat meraih dan mengiktiraf ahli akademik yang cemerlang dalam pelbagai bidang bagi tahun 2021 pada majlis yang gilang gemilang ini.

AAU merupakan wadah penghargaan bagi ahli akademik UTeM yang telah melakar pelbagai kecemerlangan dalam bidang pengajaran, penyelidikan, penulisan, penerbitan, pengkomersilan dan lain-lain lagi. Tradisi penghargaan ini secara langsung menyokong usaha UTeM dalam memperkasakan lagi ekosistem akademik agar lebih terserlah dan dinamik sejarah dengan kehendak pendidikan tinggi semasa.

Dalam era globalisasi yang semakin mencabar, persaingan dalam mengisi peluang pekerjaan adalah sangat sengit. Penularan Wabak COVID-19 yang melanda dunia telah menyebabkan sektor ekonomi merudum dan memberi kesan yang sangat mendalam terhadap penggunaan tenaga buruh. Walaubagaimanapun, setelah negara pulih daripada wabak tersebut sektor ekonomi telah mula berkembang semula dan permintaan terhadap tenaga kerja kian melonjak naik. Pada penghujung tahun 2021, bilangan penganggur telah menurun sebanyak 1 peratus kepada 687,600 orang. Ini menunjukkan permintaan terhadap tenaga kerja semakin meningkat selaras dengan pemulihan ekonomi negara. UTeM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi hendaklah mengambil kesempatan ini dengan mempersiapkan graduan dengan segala kemahiran yang menepati pasaran industri. Di sini, peranan ahli akademik adalah sangat penting dalam membentuk graduan yang menepati kehendak industri.

Bukan itu sahaja, ahli akademik juga memainkan peranan yang sangat penting dalam kajian dan inovasi. Bagi tujuan tersebut, RICE telah diperkenalkan selaras dengan Strategi 2 5ST iaitu ‘Mempromosikan RICE, Menjana Pendapatan’. RICE iaitu *Research, Innovation, Commercialization & Entrepreneurship* memberi penekanan terhadap penyelidikan, proses

inovasi, pengkomersialan sehingga ianya menjadi sebuah bisnes melalui keusahawanan. Bagi mendokong dan memastikan kejayaan strategi ini, ahli akademik diperlukan untuk bekerjasama dalam satu rantaian ekosistem daripada kajian produk dilakukan sehingga ianya dipasarkan. Tanpa usaha dan kerjasama yang jitu daripada ahli akademik, strategi ini tidak akan dapat dilaksanakan. Di sini dapat di lihat peranan yang penting dimainkan oleh ahli akademik dalam memastikan pembangunan inovasi.

Justeru itu, bagi mengekalkan motivasi dan kecemerlangan, ahli-ahli akademik perlu senantiasa memperkasakan diri, meningkatkan daya kompetensi diri dan mengamalkan budaya inovasi dan kreatif dalam melaksanakan amanah yang diberikan. Sebagai penghargaan di atas usaha berterusan ini, pengiktirafan menerusi AAU haruslah diberikan kepada ahli akademik yang telah memberikan sumbangan dan mencapai tahap kecemerlangan yang membanggakan universiti. Diharapkan menerusi platform AAU ini, ia menjadi pendorong, penggerak dan motivasi kepada ahli-ahli akademik UTeM dalam menjana kecemerlangan yang berterusan di dalam pelbagai aspek berkaitan dan terus mencipta kegemilangan di arena kebangsaan dan antarabangsa.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima Anugerah Akademik Universiti bagi tahun 2021. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa terlibat yang telah memberikan komitmen yang tinggi di dalam proses pemilihan penerima anugerah pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN

Naib Canselor

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)



Atur Cara

ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2021

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

TARIKH: 29 SEPTEMBER 2022 , KHAMIS

TEMPAT: HOTEL AMES, AYER KEROH, MELAKA

- | | | |
|-------------|---|---|
| 2.30 petang | : | Ketibaan Para Tetamu & Jemputan |
| 2.50 petang | : | Ketibaan YBrs. Profesor Ts. Dr. Massila Kamalrudin, Naib Canselor UTeM |
| 2.55 petang | : | Ketibaan YBhg. Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti UTeM |
| 3.00 petang | : | Lagu Negaraku
Lagu Melaka Maju Jaya
Lagu UTeM Terbilang
Bacaan Doa |
| 3.10 petang | : | Ucapan Aluan oleh YBrs. Profesor Ts. Dr. Massila Kamalrudin
Persembahan Montaj AAU 2021 |
| 3.35 petang | : | Penyampaian Anugerah Akademik Universiti Tahun 2021 <ul style="list-style-type: none">• Anugerah Pengajaran• Anugerah Penerbitan Buku- Bidang Sains dan Teknologi- Bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial• Anugerah Penyelidikan |
| | : | Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk <ul style="list-style-type: none">• Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal• Anugerah Kualiti Makalah Jurnal• Anugerah Khas Kumpulan• Anugerah Inovasi e-Pembelajaran• Anugerah Akademik Harapan• Anugerah Tokoh Akademik |
| 4.15 petang | : | Penyampaian Sijil untuk Pengerusi Panel Penilai Peringkat Universiti |
| 5.00 petang | : | Jamuan |
| | : | Pengerusi Lembaga Pengarah & Naib Canselor meninggalkan majlis |
| | : | Jemputan bersurai meninggalkan majlis |

Etika Pakaian: Batik

Anugerah Akademik Universiti

Anugerah Akademik Universiti adalah pengiktirafan tertinggi oleh universiti terhadap kecemerlangan ahli akademik di UTeM. Kecemerlangan dan pencapaian yang diiktiraf adalah meliputi bidang pengajaran, penyelidikan dan penerbitan bahan ilmiah. Anugerah ini juga bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf kecemerlangan yang telah dicapai oleh staf akademik samada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Anugerah ini juga diwujudkan sebagai satu aspirasi untuk staf akademik universiti meningkatkan pencapaian kecemerlangan dan sumbangan dalam mengharumkan nama Universiti di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Anugerah Tokoh Akademik

Calon yang menerima Anugerah Tokoh Akademik UTeM merupakan seorang Profesor yang komited, terlibat secara menyeluruh dan berterusan dalam proses penemuan dan penerokaan ilmu serta memenuhi aspirasi universiti sebagai jentera pembangunan negara ke arah meningkatkan kualiti kehidupan manusia.

Anugerah akan dipertimbangkan bagi calon yang telah menerajui secara holistik bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan pentadbiran akademik.

Calon hendaklah telah berkhidmat sebagai pensyarah di universiti tempatan selama sekurang-kurangnya **lima (5)** tahun dalam kerjaya akademik serta telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Universiti.

Calon juga hendaklah menunjukkan kecemerlangan secara berterusan dalam bidang akademik yang diterajui serta membawa impak secara langsung atau tidak langsung kepada masyarakat melalui aktiviti akademik yang telah dijalankan.

Pemberian Anugerah adalah berdasarkan kepada Jawatankuasa Pencarian yang di Pengerusikan oleh Naib Canselor.

Anugerah Akademik Harapan

Anugerah Akademik Harapan bertujuan memberi pengiktirafan kepada ahli akademik muda yang berkemampuan dan berkaliber. Penerima Anugerah Akademik Harapan ialah seorang ahli akademik yang berilitzam, terlibat secara menyeluruh dan menyumbang kepada penemuan dan pembangunan ilmu, penjanaan kekayaan negara dan memenuhi aspirasi universiti sebagai jentera pembangunan negara dan dunia ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup manusia sejagat. Penerima anugerah hanya boleh menerima anugerah ini sekali sahaja.

Calon mesti berumur di bawah **38 tahun pada 1 Januari 2021** dan berkhidmat sebagai ahli akademik di UTeM selama sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun secara kumulatif**. Calon mestilah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang akademik yang diterajui, menerajui bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan kepimpinan akademik secara holistik dan membawa impak secara langsung atau tidak langsung kepada masyarakat melalui aktiviti akademik yang telah dijalankan.

Kriteria Penilaian:

- Pengajaran dan Penyeliaan
- Penulisan dan Penerbitan
- Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan
- Perundingan
- Sumbangan kepada Universiti dan Masyarakat

CALON AKHIR:

- I. TS. DR. MOHD SHAHRIL BIN AHMAD KHIAR
- II. TS. DR. NORFARIZA BINTI AB WAHAB
- III. TS. DR. NURULIZWA BINTI ABDUL RASHID
- IV. IR. DR. SHARIN BIN AB. GHANI
- V. TS. DR. HAZRIQ IZZUAN BIN JAAFAR

TS. DR. MOHD SHAHRIL BIN AHMAD KHIAR
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Ts. Dr. Mohd Shahril bin Ahmad Khiar memulakan kerjaya akademik sebagai Tutor di Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada tahun 2008 sejurus menamatkan pengajian ijazah pertamanya dari Korea University. Beliau dilantik sebagai Pensyarah (2012) selepas dianugerahkan Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik dari UNITEN.

Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pensyarah Kanan pada tahun 2016 sebelum memperolehi Ijazah Kedoktoran dari University of Southampton pada tahun 2019 (dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, UTeM, dan National Grid PLC, United Kingdom). Sepanjang hampir 10 tahun berkhidmat, beliau telah 2 kali memperolehi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) iaitu pada tahun 2013 dan 2021. Sehingga kini, beliau sedang dan telah terlibat di dalam aktiviti penyelidikan pelajar iaitu Penasihat Akademik (117), Latihan Industri (33), Projek Diploma (20), Projek Sarjana Muda (30), Projek Sarjana (Penyelidikan) (4), dan Projek Sarjana (Coursework) (1).

Beliau telah dilantik sebagai Ketua Makmal Penyelidikan Voltan Tinggi (2020-kini) dan Timbalan Ketua Kumpulan Penyelidikan Tenaga & Sistem Kuasa (EPS) (2020-kini). Kepakaran beliau di dalam bidang Kejuruteraan Voltan Tinggi (penebat) telah diiktiraf oleh *Institute of Electrical & Electronics Engineers (IEEE)* apabila dilantik sebagai *IEEE Senior Member* pada tahun 2021. Beliau telah dianamahkan oleh *IEEE* bagi mempengaruhi salah satu daripada *parallel session* bagi *39th Electrical Insulation Conference (EIC) 2021*. Di samping itu, beliau juga merupakan *IEEE Dielectrics & Electrical Insulation Society (DEIS) Malaysia Chapter Executive Committee* (2020-kini), Bendahari Kehormat Malaysia *High Voltage Network* (2020-kini), dan Pengerusi *4th MyHVnet Colloquium* (2022). Beliau merupakan Ketua Penyelidik dan Penyelidik Bersama bagi 21 geran (11 geran penyelidikan jangka pendek UTeM, 9 geran Kementerian Pengajian Tinggi, 1 geran penyelidikan *IEEE*). Beliau telah menerbitkan 15 kertas persidangan dan 14 artikel jurnal (3 di dalam Jurnal Berindeks ISI). Beliau telah memenangi 18 pingat pertandingan inovasi dan memiliki 5 Harta Intelek (1 Fail Paten dan 4 Hakcipta).

Dari sudut perundingan pula, beliau telah dilantik sebagai perunding bagi syarikat *Terraform Global Operating (Malaysia)* (projek ladang solar berkapasiti 10 MW di KLIA). Beliau merupakan *Professional Technologist* yang diiktiraf oleh Malaysia *Board of Technologists (MBOT)* dan merupakan ahli profesional yang diakui oleh *EA Technology* dan diiktiraf melalui *Certified Level 1 Partial Discharge*. Beliau juga merupakan koordinator dan penceramah bagi *Modul ST 106 Fundamentals of Heads Technology GrIP Cohort 4 & 2 Western Digital (M) Sdn. Bhd.*, penceramah bagi *DGA Interpretation Half-Day Workshop 2019*.





TS. DR. NORFARIZA BINTI AB. WAHAB
FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN
MEKANIKAL & PEMBUATAN

Ts. Dr. Norfariza binti Ab. Wahab memulakan kerjaya akademik sebagai seorang Pensyarah Kanan pada November 2015 di Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Sepanjang perkhidmatan, beliau terlibat secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran. Antara kursus yang diajar oleh beliau adalah *Advance Manufacturing Process* (BMMP 3533), *Automotive Component Manufacturing* (BMMD 4824) dan *Rapid Machining* (BMMI 3741). Beliau juga terlibat secara aktif dalam penyeliaan Projek Sarjana Muda (PSM) ke atas 27 orang pelajar dan 4 pelajar pasca siswazah di mana 2 daripadanya telah menamatkan pengajian dengan cemerlang.

Dari segi penulisan dan penerbitan, sebanyak 40 artikel jurnal dan prosiding di mana 26 daripadanya sebagai penulis utama dan yang selainnya sebagai penulis bersama. Dalam bidang penyelidikan pula, beliau melibatkan diri secara aktif dan merupakan ketua projek kepada 6 projek penyelidikan, 2 tajaan dana antarabangsa, 3 tajaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan 1 tajaan UTeM. Kesemua penyelidikan ini hasil daripada 16 geran yg diperoleh sebagai penyelidik utama dan bersama.

Sepanjang perkhidmatan beliau dalam dunia penyelidikan, beliau telah dianugerahkan 32 pingat inovasi yang terdiri daripada pingat emas, perak dan gangsa di mana 4 emas di peringkat antarabangsa. Beliau berjaya merangkul *1st winner Autodesk Malaysia Design Competition (AMDC2016)* dan membawa UTeM memenangi *Best Institution Award* dalam pertandingan ini. Selain itu, dalam bidang inovasi, beliau juga telah menfaillkan 1 produk yang berstatus *patent* dari kajian beliau iaitu *A Vacuum Clamping System*.

Beliau turut terlibat dalam 3 perjanjian persefahaman yang ditandatangani dengan 2 universiti luar negara iaitu *Nagaoka University of Technology (NUT)*, Jepun dan *Tokyo University of Agriculture and Technology (TUAT)* Jepun serta 1 bersama multinasional syarikat iaitu *Konica Minolta Business Technologies Malaysia*. Hasil kerjasama bersama NUT, UTeM telah dapat menghantar pelajar untuk menjalani latihan industri di sana selama 6 bulan. Beliau kini menyandang jawatan sebagai Penyelaras Inovasi dan Harta Intelek, Pusat Inovasi dan Pengkomesilan (PIP), UTeM sejak 21 Mac 2021.

TS. DR. NURULIZWA BINTI ABDUL RASHID

FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI & TEKNOUSAHAWANAN

Ts. Dr. Nurulizwa binti Abdul Rashid memulakan kerjaya akademik sebagai Pensyarah Kanan pada tahun 2016 di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT). Sepanjang perkhidmatan, beliau terlibat secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran di mana kursus yang di ajar oleh beliau adalah Pengurusan Kualiti, Pengurusan Produk Baru, Risikan Pasaran Teknologi, Keusahawan Teknologi, pengurusan R&D dan pengkomersilan serta pengurusan rantai bekalan bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda. Bagi peringkat pascasiswazah, Kursus yang diajar melibatkan pemindahan teknologi, pengurusan kualiti dan juga Pengurusan Pembuatan Termaju Dan Servis. Selain daripada itu, beliau juga terlibat secara aktif dari tahun 2016 hingga tahun 2022 dalam aktiviti penyeliaan pelajar latihan industri (35 orang), penyeliaan projek sarjana muda (49 orang) dan juga penyeliaan pelajar PhD dan juga sarjana. Setakat ini, beliau telah menjadi penyelia utama bagi 9 pelajar PhD dan pelajar sarjana. Beliau juga menjadi penyelia bersama bagi 14 orang pelajar PhD dan pelajar sarjana.



Dari segi penulisan dan penerbitan, jumlah jurnal dan prosiding yang telah dihasilkan oleh beliau setakat 2022 adalah sebanyak 28 artikel di mana 13 daripadanya adalah sebagai penulis utama dan yang selainnya sebagai penulis bersama. Selain menghasilkan jurnal dan menjadi penilai jurnal dan konferen, beliau juga aktif dalam menggunakan platform U-Learn bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Dalam bidang penyelidikan pula, beliau melibatkan diri secara aktif dan merupakan ketua projek bagi projek yang ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan juga satu projek geran penyelidikan yang ditaja oleh UTeM. Keseluruhan geran penyelidikan yang diperolehi oleh beliau adalah sebanyak 10 projek geran sebagai penyelidik utama dan bersama.

Beliau bukan hanya aktif dalam bidang penulisan dan akademik, namun beliau juga menyumbang dalam memastikan UTeM terus kekal maju jaya. Beliau telah menjadi Ketua Jabatan (Pascasiswazah) FPTT, Pengurus COE-Centre of Technopreneurship Development (CTED), dan terkini sebagai Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah) di FPTT. Beliau juga aktif dalam menyumbang kepada masyarakat dan meningkatkan penjanaan pendapatan kepada pihak UTeM dengan menjadi ketua projek untuk dua projek perundingan bersama pihak FAMA, Melaka. Projek perundingan ini bertujuan untuk mengkaji sosio-ekonomik produk agro di kawasan Jasin, Melaka dan juga menganjurkan bengkel sehari bagi meningkatkan kefahaman pemasar di kalangan ahli FAMA Melaka. Dengan kepakaran beliau di industri selama 6 tahun sebagai Eksekutif di jabatan Pengurusan Kualiti dan juga ahli Profesional Technologis (TS), beliau terus aktif menyumbang bakti kepada Universiti, Industri dan juga masyarakat.



IR. DR. SHARIN BIN AB. GHANI
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Ir. Dr. Sharin bin Ab. Ghani memulakan kerjaya akademik sebagai Tutor di Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada tahun 2008 sejurus menamatkan pengajian ijazah pertamanya dari UTeM beliau telah dilantik sebagai Pensyarah (2012) selepas dianugerahkan Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik dari UNITEN.

Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pensyarah Kanan pada tahun 2019 setelah memperolehi Ijazah Kedoktoran dari Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 2019 (dibayai sepenuhnya oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan UTeM). Beliau juga pernah mendapat Anugerah Best Postgraduate Student Award di UTM 63rd Convocation 2019.

Sepanjang hampir 10 tahun berkhidmat, beliau telah berjaya memperolehi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) iaitu pada tahun 2012. Sehingga kini, beliau sedang dan telah terlibat di dalam aktiviti penyeliaan pelajar iaitu Penasihat Akademik (30), Latihan Industri (33), Projek Diploma (13), Projek Sarjana Muda (10), Projek Sarjana Penyelidikan (Utama & Bersama: 5), Projek Sarjana Kerja Kursus (Utama: 1), dan Doktor Falsafah (Bersama: 2). Beliau telah dilantik sebagai Ketua Kumpulan Penyelidikan Tenaga & Sistem Kuasa (EPS) (2020-kini). Di samping itu, beliau turut menjadi Setiausaha II untuk *Malaysia High Voltage Network* (2019-2020), Beliau merupakan Ketua Penyelidik dan Penyelidik Bersama bagi 26 geran (14 geran penyelidikan jangka pendek UTeM, 11 geran Kementerian Pengajian Tinggi, dan 1 geran industri). Beliau telah menerbitkan 17 kertas persidangan dan 43 artikel jurnal (6 adalah di dalam Jurnal Berindeks WoS-SCI). Beliau telah memenangi 18 pingat pertandingan inovasi dan memiliki Harta Intelek (3 Hakcipta).

Dari sudut perundingan pula, beliau telah dilantik sebagai penasihat teknikal kepada syarikat TRMS Engineering Sdn Bhd dalam bidang Kejuruteraan Voltan Tinggi (2019-2021) dan telah menjalankan kerja-kerja sebagai perunding bagi beberapa syarikat berkaitan voltan tinggi. Antaranya, TRMS Engineering Sdn Bhd (*Partial Discharge Measurements for Transformers and Power Cables for Petronas RGTSU*), UNITEN R&D (*Transformer Oil Testing & Analysis*) dan Terraform Sdn Bhd (*Transformer Oil Analysis for Solar Farm 10MW at KLIA*).

Pada tahun 2018, beliau telah berjaya berdaftar sebagai Jurutera Profesional (Elektrik) di bawah Lembaga Jurutera (BEM) setelah melalui temuduga profesional dan beberapa ujian teknikal. Beliau juga telah dijemput sebagai penceramah bagi beberapa siri latihan teknikal kepada industri, pelajar pra-ijazah serta pascasiswazah. Antaranya iaitu *DGA Interpretation Half-Day Workshop 2019*, Bengkel Penulisan Jurnal Daripada Hasil Projek Sarjana Muda (PSM) 2021, Bengkel Penulisan *Review Jurnal 2021, 1 Day Online Webinar On Transformer Diagnostics for Maintenance Programs (Introductory Level) 2022, 2 Days Online Webinar On Transformer Diagnostics for Maintenance Programs (Intermediate Level) 2022*, dan fasilitator bagi *DGA Interpretation Workshop 2021*.

TS. DR. HAZRIQ IZZUAN BIN JAAFAR
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Ts. Dr. Hazriq Izzuan bin Jaafar dilahirkan di Hospital Besar Ipoh, Perak dan merupakan anak sulung dari 2 orang adik-beradik. Pada tahun 2008, beliau telah memulakan kerjayanya sebagai Penolong Pengurus di TM Berhad. Dengan memiliki minat yang tinggi dalam dunia akademik, beliau kemudian berhijrah ke UTeM sebagai Tutor di Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) pada tahun 2010. Seterusnya, beliau meneruskan kerjaya sebagai Pensyarah dan Pensyarah Kanan masing-masing pada tahun 2013 dan 2016. Dengan pelbagai kecemerlangan yang diperolehi, beliau telah dilantik sebagai Ketua Jabatan (Pengajian Diploma) dan kini sedang diamanahkan sebagai Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar).



Sebagai ahli akademik muda, beliau telah terlibat secara aktif dalam pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran, khususnya dalam bidang Kejuruteraan Kawalan. Antara kursus yang diajar adalah *Applied System Modeling and Simulation (MEKH 5123)*, *Control and Instrumentation (BEKC 3663)* dan *Control System Engineering (BEKC 3523 & DEKC 2113)*. Selain itu, beliau juga telah menyelia 49 pelajar (Latihan Industri), 21 pelajar (Projek Sarjana Muda) dan 23 pelajar (Projek Diploma). Malah beliau juga telah menggraduatkan 3 pelajar Sarjana dalam penyelidikan dan kerja khusus. Ketika ini, beliau sedang menyelia 4 pelajar PhD di mana 1 daripadanya adalah sebagai penyelia utama.

Dalam bidang penyelidikan, beliau telah menerima keseluruhan 19 geran penyelidikan sebagai penyelidik utama dan bersama dalam pelbagai peringkat (FRGS/RAGS/PPRN/PJP High Impact/PJP/etc) berjumlah RM1,103,248. Berdasarkan pengkalan data SCOPUS, beliau telah menerbitkan sebanyak 81 buah makalah jurnal dan prosiding dalam bidang yang diceburi. Beliau telah berjaya menerbitkan 8 jurnal Q1 berimpak tinggi dengan kumulatif *Impact Factor (IF)* berjumlah 47.939. Jumlah keseluruhan sitasi SCOPUS sehingga kini adalah 976 dan H-Index 15. Berdasarkan pengkalan data *Web of Science* pula, beliau telah menilai sebanyak 189 manuskrip jurnal dan prosiding. Terkini, beliau telah berjaya memfaillkan satu produk yang berstatus hak cipta iaitu *Modelling of a Double Pendulum Overhead Crane using the Lagrange Equation*.

Di samping itu, beliau telah mengetuai Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIIC) Go-SaVE UTeM pada tahun 2021 dan kumpulan ini telah berjaya mencapai kecemerlangan tertinggi sehingga ke peringkat Antarabangsa. Beliau juga pernah menjadi pemeriksa teknikal bagi pertandingan Robocon Malaysia pada tahun 2018. Dengan kepakaran yang dimiliki, beliau kerap dilantik sebagai juri di pertandingan inovasi peringkat universiti dan kebangsaan. Beliau juga telah berjaya menerima sijil kompetensi bagi *Real Time Control Design and Simulation for Industry 4.0* oleh pihak SIRIM pada tahun 2020. Beliau turut dilantik sebagai Jawatankuasa Eksekutif bagi Persatuan Simulasi Malaysia dan Associate Editor bagi *Jurnal Applications of Modelling and Simulation* pada tahun 2021 sehingga kini.

Anugerah Pengajaran

Anugerah Pengajaran bertujuan memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada para pensyarah dan tenaga pengajar yang telah melaksanakan tanggungjawab pengajaran dan bimbingan pelajar dengan penuh dedikasi, komited, dan sempurna selama sekurang-kurangnya lima (5) tahun, untuk menghasilkan siswazah yang berkualiti tinggi.

Pengajaran dalam konteks ini didefinisikan sebagai aktiviti kreatif yang direka bentuk untuk meningkatkan keberkesanannya pembelajaran dan mengembangkan kebolehan, bakat serta minat pelajar.

Penilaian calon bagi Anugerah Pengajaran adalah berdasarkan kepada elemen INOVASI dan KESARJANAAN dalam kriteria berikut:

- **Falsafah pengajaran**
- **Pengetahuan dan kemahiran berkaitan pengajaran**
- **Persediaan pengajaran**
- **Kaedah pengajaran**
- **Kaedah penilaian hasil pembelajaran**
- **Bimbingan dan penyeliaan**

CALON AKHIR:

I. PROFESOR MADYA DR. MARIAM BINTI MD GHAZALY

PROFESOR MADYA DR. MARIAM BINTI MD GHAZALY
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Beliau mula menjawat jawatan pensyarah di UTeM pada tahun 2005 selepas menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda (B. Eng.) Kejuruteraan Elektrik dan Ijazah Sarjana (M. Eng.) Kejuruteraan Elektrik & Mekatronik dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai Johor. Seterusnya pada tahun 2007, UTeM telah memberikan peluang kepada beliau untuk menyambung pengajian di Jepun dan beliau berjaya menamatkan pengajian M. Eng. & D.Eng. dari Tokyo Institute of Technology, Jepun dalam bidang Kejuruteraan Mekano-Mikro (*Precision Engineering*) pada tahun 2009 dan 2012. Pengalaman beliau di Jepun sedikit sebanyak telah mentransformasikan dirinya menjadi seorang ahli akademik yang lebih matang dan fleksibel.



Pada awal kerjayanya, beliau tercari-cari matlamat kerjaya sebagai seorang ahli akademik, sama ada untuk berpegang kepada tradisi norma iaitu menumpukan sepenuhnya untuk penyelidikan, dimana melakukan yang paling minimum dari segi pengajaran. Atau, beliau boleh membuat perubahan dan memberikan impak untuk menyumbang dalam proses pembelajaran pelajar dan memberi inspirasi kepada graduan UTeM untuk membuka mata dan merancang kehidupan mereka selepas tamat pengajian. Dengan keperluan industri yang memerlukan graduan yang profesional dan beretika, beliau yakin pelajar boleh dididik di universiti, demi meningkatkan kompetensi dan kecemerlangan sahsiah pelajar.

Sepanjang di UTeM, beliau cuba melihat pengajaran dan pembelajaran dari kaca mata seorang pelajar dan apa yang diperlukan oleh seorang pelajar. Falsafah pengajaran beliau adalah, "Meningkatkan kebolehpasaran siswazah melalui penglibatan pelajar semasa proses pembelajaran yang bukan sahaja pengetahuan dalam kelas malah merangkumi diluar kontek akademik seperti di industri". Beliau sentiasa bersemangat untuk menyokong proses pendidikan di UTeM supaya pelajar boleh memperoleh pelbagai set kemahiran, kecekapan dan menerapkan keupayaan dan kebolehan pelajar UTeM sebagai TUAH UTeM yang profesional, beretika, mempunyai ihsan dan daya juang yang tinggi.

Selain itu pengalaman sangkul industri selama setahun di syarikat multinasional semikonduktor, Infineon Technologies di Melaka telah memberi banyak pengalaman kepada beliau. Beliau dapat menghayati cara jurutera bekerja dan bagaimana cara kemahiran, sama ada kemahiran teknikal atau komunikasi digunakan dalam industri. Industri semikonduktur seperti Infineon juga adalah industri yang sangat kompetitif, di mana produksi berjalan 24/7 dan jurutera sentiasa bersiap siaga, berwaspada untuk menyelesaikan masalah yang timbul dengan pantas. Beliau telah menggunakan sepenuhnya pengalaman ini dalam pengajaran dan proses membimbing pelajar untuk bersedia menghadapi cabaran yang akan datang apabila mereka menamatkan pengajian dan memasuki fasa pekerjaan kelak.

Tiga (3) matlamat beliau sebagai ahli akademik adalah:

- a) Memberi tumpuan kepada persekitaran berpusatkan pelajar dan bukannya persekitaran berpusatkan guru.
- b) Untuk berfungsi lebih sebagai jurulatih atau fasilitator kerana pelajar lebih seronok dengan peranan aktif dan kolaboratif dalam pembelajaran mereka sendiri.
- c) Membantu memupuk kemahiran pembelajaran sepanjang hayat kepada pelajar melalui proses pembelajaran kendiri bagi menghadapi cabaran dan kerumitan persekitaran tempat kerja abad ke-21 dengan mengamalkan TUAH UTeM.

Melalui pengalaman beliau mengajar selama 17 tahun di UTeM, beliau telah mengambil pendekatan sentiasa mengekalkan kitaran pembelajaran berterusan (*continuous learning*) yang terbahagi kepada empat bahagian iaitu, (a) *Learn, unlearn & relearn*, (b) *Planning*, (c) *Apply* dan (d) *Assess*. Inovasi beliau yang pertama terhadap pengajaran dan pembelajaran adalah dengan mengaplikasikan “*flipped classroom*” untuk pelajar kejuruteraan. Pembelajaran teori satu hala tanpa praktis adalah satu pembelajaran yang agak membosankan bagi setengah-tengah pelajar. Oleh itu, antara **LIMA (5) TEKNIK PENGAJARAN & PEMBELAJARAN** yang dilaksanakan dalam kelas adalah:

- a) Sentiasa empati kepada pelajar.
- b) EMPAT kitaran pengajaran-pembelajaran: Refleksi pelajar & merumuskan pelajaran yang dipelajari pada penghujung sesi.
- c) “*Flipped classroom*” untuk penglibatan yang lebih baik menggunakan teknologi dan aplikasi menggunakan *Instructional Design (ID)*.
- d) Menarik minat pelajar kejuruteraan melalui gamifikasi.
- e) Meningkatkan kefahaman pelajar dengan sesi breakout.

Inovasi kedua beliau adalah dalam merekabentuk satu “*instructional strategy*” untuk sistem penasihatuan akademik pelajar beliau bagi meningkatkan CGPA pelajar yang lemah (kedudukan KS). Dengan “*instructional strategy*” tersebut, hampir 96% pelajar di bawah penasihatuan akademik beliau telah berjaya meningkatkan CGPA mereka dari KS ke KB dan CGPA pelajar kekal meningkat untuk semester seterusnya.

Selain itu, sebagai seorang akademik, beliau sentiasa berusaha mewujudkan budaya pembelajaran berterusan di kalangan ahli-ahli akademik yang lain demi memastikan pembelajaran sepanjang hayat yang akan memberikan impak kepada pelajar. Beliau juga aktif dan telah dijemput sebagai penceramah untuk memberikan beberapa latihan dan ceramah kepada ahli akademik di peringkat UTeM, dan di KPT, antaranya sebagai “*Master Trainer Educator@Virtual Learning Environment (Educator@VLE)*” program anjuran JPT bagi tahun 2021 dan 2022, kursus “*Effective Teaching And Learning Delivery Via Outcome Based Approach (OBE)*” di UNIMY, Cyberjaya pada tahun 2021, kursus “*Real-Time Control Design And Simulation For IR4.0 Certification*” anjuran SIRIM untuk tenaga pengajar IPTA pada tahun 2020, Kursus Wajib DS45: Penasihatuan Akademik dan Penyeliahan Pelajar Prasiswazah di UTeM pada tahun 2021, dan webinar “*Scholar’s Talk Series 3/2021: How To Become A Productive And Effective Academician*” pada tahun 2021.

Anugerah Penerbitan Buku

Anugerah ini diberikan untuk buku karya asli terbitan ilmiah oleh Penerbit UTeM ATAU anggota MAPIM pada tahun 2020.

Buku ilmiah iaitu karya asli atau monograf cetakan edisi pertama dan tidak termasuk Buku Teks, Modul dan Manual.

Karya ilmiah meliputi buku yang dihasilkan berasaskan penyelidikan dan kajian yang distrukturkan mengikut bentuk formal dan mematuhi piawai penerbitan Ilmiah.

Mematuhi Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, khususnya Subseksyen 11(1) dan mana-mana akta yang berkaitan.

Setiap karya yang dicalonkan mesti mematuhi gaya penerbitan masing-masing secara telak (Konsisten) mengikut gaya Penerbitan Ilmiah UTeM atau Ahli MAPIM.

Kriteria Penilaian:

- **Isi kandungan**
- **Impak ilmiah**
- **Gagasan**
- **Anatomi dan reka bentuk buku**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

CALON AKHIR:

- I. **PROFESOR IR. TS. DR. PUVANASVARAN A/L A. PERUMAL**
- II. **DR. JUWITA BIN MOHD SULTAN**
- III. **DR. MOHD NAJIB BIN ALI MOKHTAR**
- IV. **IR. DR. MOHD FARRIZ BIN HJ. MD BASAR**



PROFESOR IR. TS. DR. PUVANASVARAN A/L A. PERUMAL
FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN

TAJUK BUKU:
PERFORMANCE BENCHMARKING THROUGH LEMIS FOR
ISO 14001 PRACTITIONER

SINOPSIS BUKU:

Nowadays, organizations are rapidly taking measures in integrating Environmental Management System (EMS) and lean practices in all types of environmental conditions in order to enhance their performance and efficiency. However, lean knowledge in every engineer can be questioned and to develop a lean culture, lean ideology is required. Furthermore, to gain the knowledge in lean required engineers to buy a bunch of lean's book. By realizing on this gap, the author wrote a book that provides an EMS by integrating of ISO 14001:2004 standard with the lean principles that ensures the continuous improvement and sustainability for the organization in the current environment. This book will help the engineers to develops and more understand the conceptual framework for EMS through integrated lean principles with ISO 14001. The developed model will be known as "Lean Environmental Management Integration System" (LEMIS). Integration between LEAN, EMS and ISO 14001 also has been clearly explained where problem occurred in industries and provide simple steps to enhance the continuous improvement activities. This book represents a competitive manner for them to understand and easy to be implemented in their industries. Together with this book, some useful example and case study are provided in order to give them a real view on success of lean. The specialties of this book are every formula of calculation is highlighted and an additional of seven types of waste is discussed clearly. The successful integration of EMS, lean principles and ISO 14001 brings various advantages to the entire organization including employees, stakeholders, community and customers. LEMIS performance measurement model was developed to visualize all the performance measures and involvement of all levels of employees to enhance the problem solving capability. The case study in real life implementation were used for results validation. For engineers, this book will give a bunch of benefits by providing a key to start the continuous improvement project.

DR. JUWITA BIN MOHD SULTAN
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK
DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER

TAJUK BUKU:

QUALITY OF SERVICE MAPPING FOR
HYBRID WIRELESS NETWORK



SINOPSIS BUKU:

